

Pembentukan Kata Dalam Lagu Tradisi Masyarakat Bugis

Word Formation in Traditional Songs of The Bugis Community

‘Amni Izzati Zainorin

¹Harishon Radzi

Program Linguistik
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: ¹naslin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pembentukan kata merupakan satu proses bagaimana sesuatu kata itu dicipta. Pengkaji menjalankan kajian mengenai lagu tradisi Bugis yang mana merupakan bahasa minoriti di Malaysia. Walaupun bahasa ini merupakan bahasa minoriti, ianya masih kekal diguna pakai terutamanya dalam majlis keramaian seperti majlis perkahwinan. Objektif kajian ini ialah untuk membincangkan pembentukan kata dari aspek kata terbitan iaitu kata nama dan kata kerja. Kaedah yang digunakan ialah kajian teks dan kajian lapangan. Analisis kajian berasaskan kepada Prinsip Tatabahasa Dewan. Hasil kajian menunjukkan wujud banyak penggunaan kata terbitan dalam lirik lagu tradisi Bugis. Kata terbitan yang dijumpai dapat membantu menjelaskan peranan leksikal kata nama dan kata kerja dalam lagu bahasa Bugis ini. Kesimpulannya, kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan serta pemangkin bagi pengkajian pada masa akan datang khususnya bahasa minoriti.

Kata kunci: Lirik lagu, bahasa Bugis, bentuk kata, kata terbitan, majlis perkahwinan

ABSTRACT

Word formation is a process of how a word is created. The researchers conducted a study of the Bugis traditional songs which is a minority language in Malaysia. Although this language is a minority language, it is still used mainly in public gatherings such as weddings. The objective of this study is to discuss word formation from the derived word aspects namely names and verbs. The methods used are text studies and field studies. The analysis of the study is based on the Prinsip Tatabahasa Dewan. The results of the study show that there is a lot of use of published words in Bugis' traditional lyrics. The derived words found can help explain the lexical role of names and verbs in this Bugis language song. In conclusion, this study can be a source of reference as well as an incentive for future studies in particular minority languages.

Keywords: Song lyrics, Bugis language, word form, derivatives word, weddings

1. Pengenalan

Penulisan ini adalah kajian terhadap salah satu bahasa kaum di Malaysia yang merupakan bahasa minoriti yang dikategorikan sebagai bahasa terancam akibat kekurangan penuturnya di negara Malaysia. Kajian ini menumpukan pada aspek morfologi, khususnya pembentukan kata menggunakan data kajian lagu-lagu tradisi, masyarakat Bugis.

Bahasa boleh didefinisikan dalam pelbagai cara mengikut sifat-sifat semula jadi bahasa, peranan dan fungsinya. Namun demikian, kebanyakan ahli bahasa dan ahli linguistik telah memberikan konsep dan takrif bahasa yang hampir sama. Bahasa boleh diertikan sebagai satu sistem bunyi yang terdiri daripada alat-alat artikulasi yang ada pada mereka. Lambang-lambang yang diujarkan itu mempunyai makna-makna tertentu berdasarkan lingkungan masyarakat yang menuturkannya. Dalam setiap kegiatan manusia, bahasa memainkan peranan dan fungsi untuk memenuhi pelbagai tujuan dan matlamat tertentu. Antara fungsi bahasa yang amat ketara ialah peranannya sebagai alat untuk membantu manusia menyampaikan percakapan, buah fikiran dan maklumat kepada orang lain.

Bloch dan Trager (1942), mendefinisikan bahasa sebagai sistem lambang-lambang vokal yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Proses komunikasi bahasa berlaku apabila adanya penutur dan pendengar. Menurut Chomsky (1957). Setiap penutur dan pendengar mempunyai dua perkara penting iaitu kecekapan bahasa dan pengucapan bahasa. Kecekapan bahasa berada dalam otak manusia dan ia diertikan sebagai satu sistem rumus bahasa yang mampu menghasilkan kalimat yang tidak terbatas banyaknya. Dari segi pragmatik, ahli-ahli linguistik bersetuju bahawa bahasa merupakan satu sistem yang menghubungkan maksud kepada bunyi, sama ada berdasarkan aksi penutur atau pendengar. Dengan andaian bahawa manusia mempunyai beberapa makna yang hendak disampaikan, dia mengucapkan bunyi-bunyi dengan tepat. Orang yang mendengar bunyi-bunyi tersebut akan cuba memberikan makna kepada ujaran yang dilafazkan oleh penutur.

Penulisan ini adalah kajian terhadap salah satu bahasa kaum di Malaysia yang merupakan bahasa minoriti yang dikategorikan sebagai bahasa terancam akibat kekurangan penuturnya di negara Malaysia. Kajian ini menumpukan pada aspek morfologi, khususnya pembentukan kata tunggal yang menggunakan data kajian lagu-lagu tradisi, masyarakat Bugis.

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Dengan struktur kata dimaksudkan susunan bentuk bunyi ujaran, lambang tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama (*Tatabahasa Dewan* 2002).


Menurut Nik Safiah Karim et al., proses pembentukan kata merupakan proses yang melibatkan penghasilan binaan-binaan perkataan, iaitu bagaimana morfem sebagai unsur perkataan disusun dan dicantumkan untuk membentuk perkataan. Pembentukan kata dalam Bahasa ini biasanya dibincangkan di bawah kajian morfologi, walaupun terdapat bidang-bidang lain dalam linguistik yang meneliti proses pembentukan kata.. Amat Juhari Moin (1985: 18) pula menyatakan bahawa pembentukan kata bererti satu proses tentang cara bagaimana sesuatu kata itu dicipta, dibentuk, atau diwujudkan dalam sesuatu bahasa.

Proses pembentukan kata juga dikonsepsikan sebagai satu proses yang akan menerbitkan atau menghasilkan kata baru melalui proses penciptaan, peminjaman, pencantuman, pemendekan, pemaduan, dan perubahan (Algeo 1991).

Lagu tradisi merupakan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh ahli masyarakat tradisional masa lalu yang rata-rata bukan sekadar untuk menghibur dan persembahan, akan tetapi diselitkan sedikit sebanyak nasihat dan didikan kepada masyarakat. Pada masa lalu, penyanyi lagu-lagu tradisi masyarakat ini terdiri daripada penglipur lara. Lagu tradisi masyarakat ini tidak dapat dipertikai dan ia sangat wajar digunakan dalam memberikan kelembutan jiwa kepada masyarakat.

Negara kita Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal mempunyai pelbagai serta variasi bahasa dari pelbagai kaum yang berbeza. Salah satu daripada bahasa kaum di Malaysia ialah bahasa Bugis. Bahasa Bugis merupakan bahasa minoriti yang dikategorikan sebagai bahasa terancam. Hal ini disebabkan oleh generasi muda yang tidak mahir untuk berkomunikasi dalam bahasa Bugis, manakala penutur Bugis dari golongan generasi tua juga semakin berkurang. Kekurangan penggunaan bahasa Bugis sebagai bahasa pertuturan masyarakat Bugis ini semakin membimbangkan kerana kini bahasa ini telah berada pada tahap *moribund*, iaitu bahasa ini sudah tidak lagi diturunkan kepada generasi seterusnya. Bahasa yang membawa masyarakat untuk mengenali dan memperkenalkan Bugis.

Bugis berasal dari perkataan To Ogi yang bermaksud orang Bugis. Kaum Bugis ini berasal dari pelbagai jenis suku dan dahulunya dikenali sebagai masyarakat yang tinggal di Sulawesi Selatan dan terbahagi kepada bahagian penempatan masing-masing. Masyarakat Bugis terdahulu yang berpindah dari Sulawesi Selatan ke negara kita bertekad untuk tidak membawa budaya mereka ke Malaysia, hal ini kerana mereka beranggapan bahawa mereka hanya menumpang di tempat orang, jadi tiada niat mereka untuk menyebar luaskan adat-adat mereka. Akan tetapi terdapat beberapa adat serta amalan serta budaya harian mereka yang masih mereka wajibkan untuk meneruskan cara hidup mereka yang masih berpandukan budaya bugis seperti lagu-lagu yang dinyanyikan pada majlis tertentu, seperti majlis perkahwinan, namun adat perkahwinan mereka, tidak mereka praktikan secara penuh bagi yang telah berpindah ke Malaysia.



Rajah 1 : Aksara Lontara Bugis
Sumber : Google (detikSulSel)

Kaum Bugis dianggap kaum yang bertamadun kerana mempunyai tulisan tangan yang tersendiri. Tulisan tangan Bugis ini dikenali sebagai Aksara Lontara Bugis, yang terdiri daripada 23 huruf. Tulisan ini tidak seperti tulisan Jawi (Melayu) yang mencontohi bahasa Arab. Aksara lontara Bugis dilihat sangat unik dan menarik, kerana huruf lontara tidak mengenali garis lengkok atau bengkok. Hanya terdapat garis lurus ke atas dan garis lurus ke bawah, dan terdapat patahan pada pertemuan antara dua garis lurus tersebut. Cara penulisan lontara Bugis ini juga dilihat sangat menarik, hal ini kerana hanya terdapat dua ciri iaitu variasi tebal halus. Apabila menulis garis ke atas, tulisannya harus tebal, dan sekiranya ke bawah garis tulisan perlu di tulis halus. Lontara Bugis tidak mempunyai huruf mati. Hal ini kerana ianya menurut kepercayaan orang Bugis terdahulu, mereka mempercayai bahawa segala ilmu yang dipelajari adalah berkah dan tidak akan pernah mati.

Akhir sekali, pengkaji mempunyai objektif tersendiri dalam melakukan kajiannya. Objektif kajian adalah apa yang hendak dicapai melalui kajian yang sedang pengkaji lakukan. Oleh hal demikian, objektif kajian ini ialah untuk membincangkan pembentukan kata dari aspek kata terbitan yang berfokuskan pada kata nama dan kata kerja dalam lagu tradisi masyarakat Bugis. Objektif untuk menjalankan kajian ini dilakukan kerana kajian mengenai lagu terutamanya bagi bahasa Bugis masih kurang dilakukan di negara kita. Lagu masyarakat Bugis yang difokuskan adalah lagu “*Tawu Ri Tajetta*”, lagu “*Eng Ngerang Gurut Ta*” dan lagu “*Fada Afi E...*” yang diciptakan oleh Hj Abdul Kadir bin Nohong. Lagu-lagu ini dinyanyikan serta diiringi dengan paluan kompang.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Kajian Pembentukan Kata

Kajian penulisan oleh Nurul Atiqah dan Harishon Radzi pada tahun 2017, yang bertajuk Bahasa Lincak : Pembentukan Kata Baharu Dalam Komik Humor Remaja. Komik yang digunakan dalam kajian ini ialah komik Ujang, Gila-Gila dan Lawak Kampus. Penulis memfokuskan pada perkataan-perkataan baharu yang terbentuk yang terhasil daripada kekekreatifan pengucapan penutur berdasarkan prinsip kognitif kepada dua faktor iaitu ciri persamaan bentuk, saiz dan bahan serta penelitian pada fungsi atau tujuan kata digunakan. Analisis yang dilakukan oleh penulis terhadap lima kategori kata, iaitu kata baharu, kata pinjaman, kata akronim, kata diperbaharui makna, dan kata diperbaharui ejaan. Penulis menyatakan kata baharu yang didokumentasikan dalam komik humor ini terbentuk dalam pelbagai bentuk dan kelas kata. Penulis juga menulis bahawa penulis komik banyak membentuk dan menggunakan kata baharu untuk menyatakan sesuatu keadaan dan menggambarkan sifat sesuatu. Dalam kajian ini, penulis juga menganalisis kata akronim dalam komik humor tersebut, dan mendefinisikan kata akronim sebagai kependekan yang terbentuk daripada gabungan huruf-huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan yang boleh diujarkan sebagai satu perkataan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Kata yang mengalami perubahan makna pula ialah kata yang terbentuk dengan mengambil kata yang sedia ada atau wujud sama ada dari kata pinjaman atau dari kata dalam bahasa itu sendiri tetapi terdapat beberapa perubahan yang dilakukan pada pengertiannya. Selain itu, penulis juga mengkaji tentang kata yang mengalami perubahan ejaan, yang mana kata ini telah tercatat dalam *Kamus Dewan* (2005) tetapi ejaannya telah diperbaharui di dalam komik tersebut.

Seterusnya, Nik Safiah Karim dan Muhammad Marwan Mohd Tanos telah menulis sebuah kajian mengenai Proses Pemendekan dalam Pembentukan Kata Submorfologi Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal pada tahun 2014. Penulisan ini penulis telah membincangkan berkaitan pembentukan kata yang telah berlaku proses pemendekan ke atasnya, dan menjadikan ianya sebagai perkataan baharu. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan teori taksonomi dan pendekatan Lopez Rua (2004) yang mana menggunakannya untuk huraian-huraian lanjut. Penulis mengambil keputusan untuk menerapkan teori Lopez dalam kajian mereka kerana mereka beranggapan bahawa taksonomi yang dihasilkan oleh Lopez mempunyai huraian dan kategori yang tuntas dan merangkumi pelbagai proses yang menggunakan mekanisme pengurangan yang mana dalam proses pembentukan kata menggunakan nama dan atau label yang berbeza. Antara teori Lopez yang digunakan oleh penulis dalam kajian mereka ialah pengeratan iaitu proses memendekkan bentuk kata yang kebiasaannya terdiri daripada tiga suku kata atau lebih tanpa membuat perubahan pada makna atau fungsi kata. Seterusnya, proses penggabungan iaitu proses pemendekan yang menggabungkan dua bentuk kata atau lebih melalui penghubungan atau pertindihan mudah yang kemudiannya dipendekan. Proses inisialisme juga disebut dalam kajian ini yang mana merupakan proses superordinat bagi pengakroniman dan pengabjadan dan dikategorikan sebagai pemendekan berdasarkan huruf.

Selain itu, Kajian seterusnya ialah Analisis Pembentukan Kata Kerja pada Bahasa Ibu (Sunda) Dialek Banten (Kajian Morfologi) yang ditulis oleh Ade Eka Anggraini. Penulisan ini bertujuan untuk melihat dan mengetahui bagaimana pembentukan kata kerja berdasarkan kajian morfologi pada bahasa Ibu (Sunda) dialek Banten. Pengkaji menggunakan metod deskriptif kualitatif dengan teknik analisis isi. Pengkaji menyatakan bahawa bahasa membolehkan manusia berfikir sesuatu secara berlanjutan. Bahasa Sunda termasuk rumpun bahasa Melayu Polinesia. Bahasa ini mempunyai hubungan erat dengan bahasa Jawa dan Melayu dan diperguna oleh seluruh Jawa Barat iaitu di kawasan Priangan,

Cirebon, Jakarta, Banten dan Karawang. Tempat-tempat ini dahulu merupakan kawasan tinggalan sendiri. Bahasa Sunda mempunyai perbezaan dari aspek kata kerja, kata benda, kata bilangan, kata ganti, kata tambahan, kata depan, kata sambung dan kata seru.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh M.Zain yang bertajuk *Pergeseran Sistem Pembentukan Kata Bahasa Indonesia : Kajian Akronim, Blending, dan Kliping*. Artikel ini ditulis oleh penulis bertujuan untuk mendeskripsikan pembentukan kata dan pergeseran pembentukan kata, khususnya pada akronim, *blending*, dan *kliping* dalam bahasa penulisan dalam bahasa Indonesia. Pengkaji mengambil data dari beberapa surat khabar dan majalah yang diterbitkan secara besar atau kecil di Indonesia. Dapatan penelitian menunjukkan bahawa berlakunya pergeseran pembentukan kata pada akronim, *blending*, dan *kliping*. Pergeseran terjadi pada penyerapan akronim, *blending*, dan *kliping* yang berasal dari bahasa asing. Selain itu terjadi pula pelbagai perubahan bentuk pada akronim, unsur bahagian kata yang digabung pada *blending*, dan unsur kata yang dibuang pada *kliping*.

Kajian yang seterusnya ialah kajian Analisis Konstratif Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol, yang ditulis oleh Mariyati Haji Mohd Nor, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Salina Husain, Norizan Che Su. Kajian ini menunjukkan perbezaan antara kedua bahasa merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. Sepanjang proses pembelajaran, pelajar akan melakukan kesilapan dan kesalahan terutama dalam pembentukan kata adjektif bahasa Sepanyol yang berkaitan dengan aspek genus dan bilangan dalam menghasilkan ayat yang betul. Kesilapan dan kesalahan adalah unsur negatif yang akan mengganggu pelajar dan ia harus dielakkan. Bentuk kata adjektif yang pelbagai menyebabkan penyelidikan berminat untuk melakukan kajian berkaitan dengan analisis kontrastif antara kedua bahasa. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk kata adjektif bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu dan seterusnya menganalisis persamaan dan perbezaan pembentukan kata adjektif kedua-dua bahasa. Kajian ini juga dapat membantu guru dan tenaga pengajar bahasa Sepanyol untuk memahami masalah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang proses pembelajaran terutamanya kata adjektif. Untuk memenuhi objektif kajian ini, teori analisis kontrastif oleh Robert Lado (1957) digunakan. Analisis akan dilakukan secara sistematik dengan membandingkan kedua-dua bahasa bagi menentukan persamaan dan perbezaannya.

2.2 Kajian Lagu Tradisi Masyarakat

Kajian lagu tradisi pula telah dilakukan oleh Nur Asmira Mat Din pada tahun 2011 dengan kajian bertajuk *Kajian Tentang Nilai Murni dalam Lagu-lagu Rakyat* koleksi Aripin Said. Kajian ini dibuat keatas 29 buah lagu-lagu rakyat koleksi Aripin Said. Pengkaji menyatakan nyanyian rakyat merupakan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh ahli masyarakat tradisional masa lalu yang rata-ratanya bukan sekadar menghibur, tetapi lebih daripada itu adalah untuk mendidik masyarakat. Ini jelas kita lihat penglipur lara masa lalu merupakan institusi pendidikan yang tidak formal dalam masyarakat tradisi. Mereka menyusun masyarakat dengan cerita dan lagu. Memberi iktibar dan tauladan melalui cerita dan lagu yang disampaikan. Pengkaji melakukan kajian ini untuk mengkaji unsur nilai murni yang terdapat dalam lagu-lagu rakyat koleksi Aripin Said dan juga mengkaji unsur pendidikan yang terdapat dalam lagu-lagu rakyat koleksi

Aripin Said. Kaedah kajian utama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajiannya ialah kaedah perpustakaan dan kajian teks.

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif mencari dan mengumpul bahan yang relevan dengan rujukan yang dikaji seperti istilah, konsep dan teori bagi menerangkan sesuatu fenomena dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah kajian teks. Bahan yang terkumpul dianalisis dengan berpusatkan kepada pengajaran dan pendidikan dalam kajian teks, pendekatan yang digunakan adalah pendekatan sosiologi. Teori sosiologi yang mengatakan sebuah karya itu ada unsur-unsur mengajar dan mendidik. Selain itu, Pendekatan sosiologi memang menekankan aspek ajaran-ajaran sosial, iaitu karya tersebut ingin mengajar bagaimana hendak menjadi seorang rakyat yang berguna, manusia yang sensitif terhadap tugas kemasyarakatan, bertanggungjawab dan bersedia berjuang demi kepentingan rakyat bawahan. Teori ini juga menerangkan mengenai diri seseorang penyair iaitu diri penyair tersebut dapat dilihat melalui karyanya. Dari sudut pensejarahannya, pendekatan sosiologi ini sebenarnya merupakan lanjutan dari pendekatan historikal. Pencarian maklumat melalui teks ini lebih menekankan kepada bahan-bahan sastera, khususnya sastera rakyat. Lagu-lagu yang hendak dikaji akan didengarkan terlebih dahulu dan di skripkan semula untuk memudahkan pengkaji melihat nilai-nilai murni yang terdapat dalam lagu-lagu tersebut. Pengkaji hanya memfokuskan kajiannya hanya kepada lagu-lagu rakyat koleksi Aripin Said sahaja.

Kajian seterusnya ialah kajian berkaitan lagu iaitu Kajian Terhadap Tema dan Persoalan dalam Lagu Rakyat Negeri Kelantan yang ditulis oleh Wan Nur Atikah Wan Abdul Rahman. Kajian ini menggunakan 19 lagu rakyat negeri Kelantan yang merangkumi lagu kanak-kanak dan dewasa. Lagu rakyat dilihat sebagai seni puisi berlagu dan berirama serta mempunyai kecantikan lirik yang tersendiri yang diwarisi zaman berzaman. Nyanyian lagu rakyat lazimnya dinyanyikan oleh masyarakat tradisional dahulu yang kebanyakannya dari mereka bukan sekadar untuk menghiburkan tetapi juga untuk menyampaikan pesanan serta mendidik masyarakat. Kajian ini dilakukan untuk mengesan lagu rakyat negeri kelantan, memahami tema, dan persoalan dalam lagu rakyat tersebut serta pengkaji ingin mengumpul dan membukukan lagu-lagu rakyat tersebut. Pengkaji ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks sebagai kaedah utama kajiannya. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif mencari dan mengumpulkan bahan yang relevan dari teks, kemudiannya bahan yang terkumpul akan dianalisis dengan berpusatkan kepada pengajaran dan pendidikan.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

Bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji seperti kaedah kajian lapangan, kaedah kepustakaan, sumber internet, kaedah pengumpulan data, kaedah pemprosesan data serta kaedah penganalisan data.

3.1 Tata Cara Pengumpulan data

3.1.1 Kajian Lapangan

Dalam mendapatkan data di lapangan, Pengkaji melakukan kajian lapangan ini melalui kaedah pemerhatian ikut serta ke lokasi aktiviti.

Aktiviti yang diobservasi oleh pengkaji ialah paluan kompang yang dilakukan oleh satu kumpulan masyarakat Bugis di sebuah penempatan pada suatu acara majlis perkahwinan.

3.1.2 *Rakaman Video*

Dalam kajian ini, pengkaji juga menggunakan kaedah rakaman video bagi mengumpulkan data. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji bagi memastikan data bagi lirik lagu yang diperoleh oleh pengkaji adalah tepat. Pengkaji merakam persembahan paluan kompang yang telah dilakukan oleh kumpulan sasaran pengkaji. Kaedah rakam video ini dapat membantu pengkaji dalam masalah keraguan pengkaji terutamanya berkenaan bahagian sebutan dan leksikal perkataan dalam bahasa Bugis.

3.1.3 *Youtube*

Pengkaji juga mengumpulkan data bagi lagu dan maklumat bagi data latar belakang kajian melalui sumber video yang terdapat dan dapat dirujuk di *Youtube*.

3.1.4 *Kaedah Kepustakaan*

Kedah kepustakaan ini digunakan oleh pengkaji sebagai sumber rujukan untuk mengulas isi-isi yang terdapat dalam penemuan data kajian pengkaji. Kaedah ini sangat penting untuk pengkaji kerana melalui kaedah kepustakaan ini, pengkaji dapat mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai prinsip, konsep serta kaedah yang bakal digunakan oleh pengkaji dalam kajiannya.

3.2 *Analisis Data*

Kajian ini dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji telah melakukan penelitian kajian terhadap aspek pembentukan kata. Pemilihan kaedah kualitatif ini dipilih berasaskan kepada penerangan dan huraian kompleks yang perlu dilakukan secara menyeluruh dan terperinci dalam menganalisis lagu-lagu tradisi masyarakat lain.

3.2.1 *Lirik Lagu Tradisi Masyarakat Bugis*

*Engkani Ro Mai
Tawu Ri Tajetta
Sining Malebbi e
Marennu Cabbiru
Ri gawu' Mana e
Nennia Fangadereng
To fada meddeppung
Iya e esso e*

To fada sukkuru'

*Ki fuang maraja e
Naelo ulle na
Tosi Addeppungeng
As sitangeng rufa
Maladdek ki rennu
Rennu temma gangka
Tem ma' Kasese*

(Tajuk lagu: *Tawu Ri Tajet Ta*)

Lirik lagu ini jika diterjemahkan dalam bahasa Melayu, ianya membawa makna perasaan serta rasa bersyukur masyarakat apabila masih diberi peluang untuk berkumpul dan berjumpa, terutamanya mereka-mereka yang telah lama tidak berjumpa dan berkumpul. Lagu ini juga mengarahkan masyarakat untuk bersyukur kepada Allah kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, mereka semua dapat berkumpul, terutamanya di majlis yang indah iaitu majlis perkahwinan. Oleh hal demikian, lagu ini dinyanyikan pada majlis perkahwinan.

*Aja' laloki na nengka
Mallufai wi gurut ta
Iyamitu Nas sabari
Ri lolongeng decenge nge*

*Eng ngerang ngi
Ri biccu' mu
Mara'ki' lattu' Battowa
Ma sessa na
Tem mangi ngi
Si bawa ati Sabbara'
Ma muare ki man caji
tau ma' keguna*

*Iyami nas sabari
na engka Faddissenget ta*

*man caji sulo I...
Ri lino Ri ahera'*

(Tajuk lagu: *Eng Ngerang Gurut Ta*)

Lagu *Eng Ngerang Gurut Ta* ini adalah lagu yang menasihatkan masyarakat akan jasa insan yang bergelar guru. Lirik lagu ini menerangkan bahawa guru itulah yang dengan sabarnya mendidik serta membetuk manusia menjadi manusia yang baik. Lagu ini juga menyatakan bahawa didikan guru itu dibawa oleh manusia dari mereka kecil hinggalah mereka meningkat dewasa (besar).

*Fada afi e...
Ri laleng dafo
Makkoni sisa'
Tompo na tauwe*


*Kessing saliweng, Saliweng
Kebbong ri laleng, Ri laleng
Mappe deceng ngi, Belle belle
Mabbelle belle*

(Tajuk lagu: *Fada Afi E...*)

Lirik lagu *Fada Afi E...* ini menceritakan tentang keadaan serta sifat manusia yang bermuka-muka, berselindung di sebalil topeng. Manusia sering menunjukkan sifat serta tingkah yang baik di luaran, akan tetapi di dalaman, atau hati manusia, tiada siapa yang tahu, lirik lagu ini menyebut bahawa begitulah lumrah lahirnya setiap manusia.

3.3 Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di perkampungan Bugis di Kampung Iboi/Pelanduk, yang terletak di daerah Asajaya, Sarawak. Pengkaji memilih kawasan ini sebagai kawasan kajian kerana, daerah ini merupakan salah satu kawasan dimana komuniti Bugisnya adalah komuniti yang asli dan berasal dari tanah Bugis di Indonesia. Komuniti Bugis di kawasan ini masih bergiat aktif melakukan aktiviti-aktiviti kebudayaan, bagi mengekalkan budaya mereka yang sedia ada di sini, serta kawasan ini mempunyai Komuniti Warisan Dan Kebudayaan Bugis yang mana bergiat aktif sehingga sekarang.



Rajah : Peta Kampung Iboi/Pelanduk, Sadong Jaya, Sarawak
Sumber : Google Maps

4. Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini akan menunjukkan serta membincangkan hasil dapatan yang telah dikumpul oleh pengkaji. Data yang diperoleh dan dianalisis oleh pengkaji adalah leksikal kata terbitan dari tiga buah lagu. Pengkaji telah melakukan analisis pembentukan kata terbitan dalam bahasa Bugis melalui tiga lagu iaitu lagu “*Tawu Ri Tajetta*” yang dilabel sebagai (L1), lagu “*Eng Ngerang Gurut Ta*” yang dilabel sebagai (L2), dan lagu “*Fada Afi E...*” yang dilabelkan sebagai (L3). Berdasarkan kajian, pengkaji telah menemui beberapa leksikal terbitan dalam bahasa Bugis yang mengikut tatabahasa Bugis, tetapi berpandukan Prinsip Tatabahasa Dewan.

4.1 Imbuhan Dalam Bahasa Bugis

Seperti yang telah diterangkan, kata terbitan ialah bentuk perkataan yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan, yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Kata terbitan yang ditunjukkan dalam jadual dibahagikan kepada empat bahagian kata terbitan, iaitu berawalan, berakhiran, berapitan dan bersisipan. Awalan, akhiran, apitan, dan sisipan ditulis serangkai dengan kata dasar, dengan memperhatikan perubahan bunyi kerana proses sandi dan asimilasi berlaku (M. Ide Said DM, *Kamus Bahasa Bugis-Indonesia*). Bahasa Bugis mempunyai imbuhan atau morfemnya tersendiri yang disebut sebagai kata turutan.

1. kata dasar	21. makka-	41. na-engi	61. paka-i	81. sipak-
2. a-	22. makka-eng	42. na-i	62. pasi-	82. -ta
3. a-ang	23. makka-eng	43. napa-	63. pasi-i	83. ta-
4. a-eng	24. makki-	44. napaka-	64. pasi-ri	84. ta-i
5. a-i	25. makking-eng	45. napi-eng	65. pé	85. ta-si
6. agi-	26. makki-eng	46. napi-eng	66. pé-i	86. tak-
7. ak-	27. mappa-	47. napimma	67. pi-	87. tar-
8. ak-eng	28. mappaka-	48. napo-	68. po-	88. tawa-
9. ak-eng	29. mappasi	49. ng-	69. po-ang	89. to-
10. -ang	30. mappi-	50. pa-	70. po-eng	
11. -eng	31. mappo-	51. pa-	71. po-i	
12. i-	32. mé-	52. pa-i	72. ro-	
13. -ni	33. mé-i	53. pa-ri	73. ri-ang	
14. i-i	34. mi-	54. pak-ang	74. ri-eng	
15. ka-	35. mimma-	55. pappa-	75. ri-i	
16. ke-	36. n-	56. par-	76. sama-	
17. m-	37. na-	57. par-ang	77. si-	
18. ma-	38. na-ang	58. par-eng	78. si-ang	
19. man-	39. na-eng	59. pada-	79. si-eng	
20. mak-	40. na-angi	60. paka-	80. si-i	

Senarai di atas adalah senarai imbuhan yang terdapat dalam bahasa Bugis dan digunakan oleh seluruh masyarakat Bugis.

4.2 Kata Terbitan Bahasa Bugis

Lagu	Kata Terbitan Awalan	Kata Terbitan Akhiran	Kata Terbitan Apitan	Kata Terbitan Sisipan
L1	to fada <u>ri gawú</u>	éngkani	maddeppung	-

	ri fuang asita		addéppungeng	
L2	mancaji	gurut ta	mallufaiwi ri lolongé éngngérangi	-
L3	-	-	-	-

Jadual 1 : Kata Terbitan Bahasa Bugis

Jadual 1 menunjukkan bentuk kata terbitan yang telah dianalisis dari lirik lagu tradisi masyarakat Bugis. Bahasa Bugis mempunyai struktur kata yang berbeza dari bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui data leksikal pada jadual 1. Kata dasar dalam bahasa Bugis kebanyakannya memerlukan imbuhan untuk berdiri bagi memproses ayat yang lengkap dalam penyampaian mereka. Penggunaan imbuhan yang berbeza akan membezakan maksud penyampaian dan maksud leksikal tersebut. Setiap penggunaan imbuhan mempunyai penyebaran penggunaannya yang tersendiri.

<i>éngkani</i>	=	telah tiba	(<i>éngkani ro mai...</i>)
<i>to fada</i>	=	bersama	(<i>to fada...</i>)
<i>ri gawú</i>	=	upacara	(<i>ri gawú mana...</i>)
<i>ri fuang</i>	=	kepada Allah	(<i>ri fuang maraja e...</i>)
<i>asita</i>	=	pertemuan	(<i>asita ngen rufa...</i>)
<i>mancaji</i>	=	menjadi	(... ki <i>mancaji</i> tau...)
<i>maddeppungé</i>	=	dikumpul	(to fada <i>maddeppungé...</i>)
<i>addéppungeng</i>	=	berkumpul	(tosi <i>addéppungeng...</i>)
<i>mallufaiwi</i>	=	melupakan	(<i>mallufaiwi gurut ta</i>)
<i>ri lolongé</i>	=	mendapatkan	(<i>ri lolongé decenge</i>)
<i>éngngérangi</i>	=	ingatkan	(<i>éngngérangi ri...</i>)
<i>gurut ta</i>	=	gurumu	(<i>mallupaiwi gurut ta</i>)

Berdasarkan senarai serta contoh bagi lirik lagu yang telah dianalisis oleh pengkaji, dapat dilihat penggunaan yang berbeza bagi setiap imbuhan. Sebagai contoh, imbuhan /*ri*/ mempunyai dua penggunaan sekiranya ditafsir ke bahasa Melayu iaitu sebagai *di* dan juga digunakan bagi *kepada* atau *ke*. Walaupun tafsirannya bukan merupakan imbuhan dalam bahasa Melayu, akan tetapi ianya merupakan imbuhan dalam bahasa Bugis, yang mana digunakan bagi memastikan leksikal tersebut boleh berdiri, serta menyampaikan maksud ayat yang betul. Seterusnya, leksikal [*mallupaiwi*] yang mana imbuhan /*ma*-/ di hadapannya membawa maksud pada penggunaan imbuhan /*mem*-/ dan imbuhan /*-i*/ di belakang membawa kepada penggunaan imbuhan /*-kan*/.

4.2.1 Kata Terbitan Awalan Bahasa Bugis

Bahagian ini, pengkaji membincangkan tentang kata kerja terbitan dalam bahasa Bugis, yang mana kata kerja terbitan terhasil daripada proses pengimbuhan.

Lagu	Kata Kerja Terbitan	Kata Nama Terbitan
L1	to fada, asita	ri gawú, ri fuang
L2	mancaji	-
L3	-	-

Jadual 2 : Kata Terbitan Awalan Bahasa Bugis

Seperti yang telah ditunjukkan dalam jadual 2, leksikal-leksikal tersebut adalah kata kerja terbitan dalam bahasa Bugis yang telah dipetik dari lirik lagu. Bahasa Bugis mempunyai senarai imbuhan awalan yang banyak antaranya /ri-/ , a-/ , /i-/ , /mé-/ , /to-/ , /man-/ , dan sebagainya. Proses pengimbuhan yang kata terbitan berawalan dalam lagu-lagu tersebut ialah:

/to-/	+	fada	to fada
/a/	+	sita	asita
/man/	+	caji	mancaji
/ri/	+	gawú	ri gawú
		fuang	ri fuang

4.2.2 Kata Terbitan Akhiran Bahasa Bugis

Bahagian ini akan menunjukkan proses pembentukan kata terbitan berakhiran yang terdapat dalam lirik lagu tradisi masyarakat Bugis.

Lagu	Kata Kerja Terbitan	Kata Nama Terbitan
L1	éngkani	-
L2	-	gurut ta
L3	-	-

Jadual 2 : Kata Terbitan Akhiran Bahasa Bugis

Jadual 2 di atas menunjukkan kata terbitan akhiran dalam lirik lagu-lagu tradisi masyarakat bugis. Berpandukan *Kamus Tatabhaasa Dewan*, imbuhan yang terdapat bagi kata terbitan

akhiran ialah /-an/, /-wan/, /-man/, /-wati/, /-isme/, /-in/, /-at/, /-ah/, /-kan/ dan /-i/. Bahasa Bugis juga mempunyai imbuhan akhiran tersendiri seperti /-i/, /-ang/, /-eng/, /-a/ dan sebagainya. Antara proses pengimbuhan akhiran yang berlaku dalam lirik lagu tradisi masyarakat Bugis ini ialah:

éngka	+	/ni/	éngkani
guru	+	/ta/	guruta

4.2.3 Kata Terbitan Apitan Bahasa Bugis

Berikut merupakan jadual yang menunjukkan data Kata Terbitan Apitan dalam bahasa Bugis yang terdapat dalam lirik lagu tradisi masyarakat Bugis.

Lagu	Kata Kerja Terbitan	Kata Nama Terbitan
L1	maddeppungé addéppungeng	-
L2	mallufaiwi ri lolongé éngngérangi	-
L3	-	-

Jadual 3: Kata Terbitan Apitan Bahasa Bugis

Kata Terbitan Apitan adalah imbuhan yang hadir secara mengapit kata dasar, iaitu dua bahagian imbuhan hadir serentak di awal dan akhir kata dasar. Proses pengimbuhan berapitan yang berlaku dalam tiga lagu di atas ialah:

/ma/	+	ddeppung	+	/é/	maddeppungé
/a/	+	ddéppung	+	/eng/	addéppungeng

4.3 Perbincangan

Kata kerja terbitan yang terdapat dalam tiga buah lagu iaitu lagu “*Tawu Ri Tajetta*” yang dilabel sebagai (L1), kemudia lagu “*Eng Ngerang Gurut Ta*” yang dilabel sebagai (L2) dan lagu “*Fada Afi E...*” yang dilabel sebagai (L3) dilihat lebih banyak hadir di dalam lagu-lagu ini berbanding dengan kata nama terbitan. Menerusi kajian ini juga, dapat dilihat lebih banyak adanya kata terbitan berimbuhan awalan berbanding akhiran, apitan, dan tidak dijumpai kata terbitan bersisipan di dalam lagu-lagu ini. Penerbitan kata-kata yang digunakan dalam lagu ini memberikan penyampaian makna yang lebih jelas kepada pendengar. Sebagai contoh, penerbitan kata *éngkani* yang membawa maksud ‘telah tiba’, sekiranya tidak di gabungkan dengan morfem terikat /-ni/, ianya akan menjadi *éngka* yang

mana bermaksud 'tiba' sahaja. Penambahan imbuhan di hujung perkataan, engka akan menjadikannya sebuah kata terbitan yang lengkap dan telah memberikan penjelasan yang jelas pada penyampaian dalam ayat '*engkani ro mai*' yang bermaksud 'telah tiba orang yang ditunggu'. Pada perkataan '*to fada*' yang membawa maksud 'bersama', sekiranya imbuhan *to* itu tidak ditambah, perkataan *fada* itu boleh membawa maksud 'sama' atau juga kata kerja dalam bahasa Bugis iaitu 'padam'. Hal ini dapat menunjukkan dengan jelas pentingnya penambahan imbuhan, dalam membentuk kata terbitan agar maksud yang hendak disampaikan dapat diperdengar dengan jelas pada, pendengar. Namun terdapat juga perkataan yang dianggap sudah lengkap sifatnya, yang mana, sekiranya tidak diletakkan perkataan tersebut menjadi kata akar yang tidak membawa makna. Sebagai yang boleh dilihat melalui lirik lagu *Engerangi gurut ta* yang mana perkataan '*engerangi*' ini sendiri adalah kata yang lengkap kerana ianya kata akar '*ngerang*' tidak mempunyai sebarang maksud, sekiranya tidak disertakan dan ditambah morfem terikan, iaitu imbuhan ataupun dikenali sebagai kata turutan, dalam bahasa Bugis.

5. Rumusan dan Cadangan

Bahasa Bugis merupakan salah satu daripada bahasa Nusantara yang termasuk dalam rumpun Austronesia, kumpulan Indonesia Tengah. Analisis keseluruhan bagi bab 4 dalam kajian telah memberikan jalan penyelesaian kepada pengkaji dalam melengkapkan kajiannya. Pengkaji berharap agar kajian yang dilakukan dapat memberi sumbangan kepada kajian-kajian bidang linguistik yang akan datang terutamanya tertumpu pada bidang morfologi. Pengkaji juga mengharapkan kajian dari aspek pembentukan kata dan juga bahasa asing ini mendapat tumpuan dari masyarakat dan orang ramai sebagai sumber rujukan, bacaan, serta menambahkan ilmu serta minat masyarakat pada bahasa Bugis dan kajian morfologi. Oleh hal yang demikian, hasil kajian telah menunjukkan bahawa pembentukan kata juga berlaku dalam bahasa asing seperti bahasa Bugis yang mana penuturnya adalah minoriti di negara kita.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (1974). *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, Z. (2009). *Memasyarakatkan kajian morfologi dalam dunia Melayu*. *Jurnal Bahasa*, 9(1), 118-136.
- Dani, N. (2006). *Dialektologi bahasa Bugis di Sabah*. *Jurnal Bahasa*, 6(2), 191-211
- Jackson Jimbai, Saripah Banseng & Ciptro Handrianto. (2024). *Formation Process of Derived Words in Malay and Iban*. Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris & Indonesia: Universitas Negeri Padang.
- Kamus Dewan edisi keempat. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M.Ide Said DM. (1997). *Kamus Bahasa Bugis-Indonesia*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Department Pendidikan dan Kebudayaan.
- Muhammad Zawawie Muhammad Noor & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2022). *Fenomena Pengglotisan dalam Bahasa Bugis di Malaysia*. *Akademika* 92(1), 113-126.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2002). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Asmira Binti Mat Din. (2011). *Kajian Tentang Nilai Murni dalam Lagu-lagu Rakyat Koleksi Aripin Said*. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Farah Afiqah Abdul Kadir. (2022). *Penggunaan Bahasa Bugis di Kalangan*